

WAWANCARA

Ruzaidi Abdul Rahman

Nama : Ruzaidi Abdul Rahman
Umur : 25 (14 Mei 1965)
Perguruan : Gayong Malaysia
Wakil Selangor : 1986
Wakil Malaysia : 1987
Kejayaan :
- 1986 - Naib Juara
- Kebangsaan
- 1988-1990 - Juara
- Kebangsaan
- Pingat emas -
- Sukan SEA XV,
Kuala Lumpur
- Pesta Sukan
Merdeka Brunei, 1990
- Kejuaraan Sedunia
di Belanda, 1990



Murah senyum, murah rezeki

B. Harian (M)

17 OCT 1990

Oleh RAHIME YUSOFF
SOALAN: Apa khabar wira? Sekarang ini asyik senyum selepas kejayaan pada Kejuaraan Sedunia di Amsterdam, Belanda, lalu.

JAWAPAN: Baik, tetapi jangan panggil saya wira. Soal senyum, memang itu menjadi cara hidup saya kerana orang tua saya selalu mengingatkan: murah dengan senyum, rezeki kita juga murah.

S: Selepas kejayaan cemerlang di Amsterdam baru-baru ini, apa rancangan seterusnya?

J: Mahu terus mengharumkan nama negara dengan mengutip pingat emas pada sebarang kejohanan bertaraf antarabangsa. Saya belum puas dengan kejayaan di Belanda.

S: Kejuaraan sedunia adalah taraf paling tinggi, kenapa belum puas?

J: Betul, tapi saya mahu mencatat semua kemenangan dalam setiap kejohanan yang disertai selepas ini. Selain itu, saya mahu mempertahankan emas Sukan SEA Manila, tahun depan.

S: Di Manila nanti mungkin silat diketepikan?

J: Itu saya tak tahu tetapi saya perasaan silat akan diserapkan kerana lima negara turut mengesahkan mengambil bahagian. Lagi pun Presiden MOM, Tan Sri Hamzah Abu Samah, mahu mengemukakan usul itu sekali lagi pada mesyuarat Jawatankuasa Sukan SEA Manila, bulan depan.

S: Bagaimanapun saudara boleh mengekalkan kejayaan (pingat emas) pada tiga kejuaraan berturut-turut, sedangkan pesilat kebangsaan lain gagal berbuat demikian.

J: Itu ketentuan Tuhan. Saya bekerja keras dalam latihan harian dan lepas itu menyerah kepada takdir.

S: Ada rahsia lain?

J: Saya berlatih sepanjang masa tanpa mengira penat dan jemu. Sesetengah pesilat cuma berlatih waktu menjelang kejuaraan. Itu salah. Selain itu, kekuatan psikologi juga penting agar tidak mudah mengalah walaupun keadaan terdesak di gelanggang.

S: Pesilat negara mana yang dianggap paling kuat?

J: Pesilat negara peserta semua kuat. Tetapi, yang disegani ialah dari Indonesia dan Thailand. Bagaimanapun, saya dapat percaya pesilat dari Eropah akan lebih hebat dalam tempoh setahun dua lagi. Jadi, saya harap pesilat negara sentiasa bersedia menghadapi cabaran masa depan.

S: Saudara sentiasa melawak dan sering diberi amaran oleh wasit (pagadil) sewaktu di gelanggang. Kenapa perkara itu sering berulang?

J: Itu taktik. Bila berbuat demikian, lawan akan jadi marah dan sudah tentu dia hilang pedoman ketika menyerang. Itu adalah peluang saya bertindak balas lebih berkesan.

S: Hasrat saudara akan datang.

J: Jadi jurulatih negara.